


Bahagian A

Jawab semua soalan.

1. Apakah kelebihan bentuk muka bumi Melaka yang sangat sesuai untuk membentuk sebuah kerajaan?
 A Tanah tinggi
 B Tanah pamah
 C Berbukit-bukau
 D Kering dan basah
2. Terdapat banyak pokok bakau dan api-api di pesisir pantai Melaka. Bagaimanakah kelebihan ini memainkan peranan dalam menjadikan Melaka terkenal?
 A Habitat semula jadi
 B Benteng pertahanan
 C Bahan perdagangan
 D Dijadikan bahan perabot
3. Antara berikut yang manakah peranan raja dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?
 I Ketua angkatan tentera
 II Ketua polis
 III Penyatuan semua bangsa
 IV Ketua agama Islam
 A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV
4. Gambar berikut merupakan contoh alat kebesaran diraja seperti cap mohor dan nobat diraja.



Bilakah alat-alat kebesaran di atas digunakan?

- A Perayaan
 B Kelahiran bayi
 C Kemangkatan raja
 D Kedatangan pemerintah luar
5. Apakah kepentingan pemerintah Melaka mengurniakan kawasan khas kepada pembesar untuk ditadbir?
 A Pembesar mempunyai kuasa
 B Melambangkan kuasa pembesar
 C Tanda terima kasih untuk kesetiaan
 D Tanda mendapat sokongan pembesar
6. Apakah yang dimaksudkan dengan kawasan pemakanan?
 A Kawasan yang perlu dijaga oleh raja
 B Kawasan kurniaan raja terhadap pembesar
 C Kawasan yang dikurniakan kepada pembesar jajahan dan daerah
 D Kawasan kurniaan terhadap pembesar kampung dan mukim
7. Antara berikut yang manakah merupakan contoh pekerjaan yang terlibat dalam sistem kerah?
 I Pemberian hasil tanaman

- II Membina istana
- III Membina kubu
- IV Membina rumah dan masjid
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

8. Gambar berikut adalah *Hukum Kanun Melaka* yang mengandungi 44 fasal.



Apakah perkara yang terkandung di dalam *Hukum Kanun Melaka* tersebut?

- A Kesetiaan rakyat terhadap raja
 - B Kerjasama antara raja dengan rakyat
 - C Tanggungjawab raja dan pembesar
 - D Tanggungjawab rakyat dalam mendaulatkan raja
9. Apakah kesan yang paling nyata hasil daripada pembentukan empayar dan akhirnya berlaku asimilasi budaya tempatan dan luar?
- A Ekonomi berkembang
 - B Politik semakin rancak
 - C Wujud pelbagai bahasa
 - D Wujud masyarakat majmuk

10. Peta berikut menunjukkan kawasan pengaruh Islam ke Alam Melayu.



Apakah faktor utama yang memungkinkan Kesultanan Melayu Melaka muncul sebagai pusat penyebaran Islam yang unggul di Alam Melayu?

- A Kekuatan tentera
- B Politik yang stabil
- C Cara berdakwah
- D Pengislaman pemerintah

11. Bagaimanakah ulama dan mubaligh memainkan peranan dalam menyebarkan agama Islam?

- A Ajaran tasawuf dan sufi dikembangkan dari Timur Tengah dan India
- B Pengajaran agama Islam di kampung
- C Mewajibkan semua pelajar menamatkan pembacaan al-Quran
- D Pemberian sekolah percuma

12. Apakah kesan yang dapat dilihat dari segi persuratan disebabkan pengaruh Islam dalam saduran karya sastera dari Arab dan Parsi seperti *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*?

- A Perkembangan bahasa
- B Perkembangan bahasa Arab
- C Perkembangan tulisan Jawi dan bahasa Melayu
- D Perkembangan kesenian Islam dan Arab

13. Peta berikut menunjukkan perluasan kuasa empayar Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah kepentingan pembentukan empayar dari segi ekonomi?

- A Meluaskan jajahan takluk
- B Asimilasi budaya tempatan
- C Meluaskan pengaruh kuasa serantau
- D Menguasai perdagangan di Selat Melaka

14. Gambar berikut merupakan replika jong yang merupakan kapal besar yang digunakan di pusat perkapalan.



Antara berikut yang manakah merupakan ciri-ciri kapal jong?

- I Memuatkan hampir 1000 orang
 - II Saiz yang besar dan tahan lama
 - III Muatan hingga 100 orang
 - IV Saiz yang kecil
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
15. Apakah yang dikenali dengan cukai tidak rasmi yang dikenakan ke atas pedagang yang berurus niaga di Melaka?
- A Hadiah
 - B Cukai import
 - C Cukai eksais
 - D Cukai perkhidmatan
16. Bagaimanakah hubungan Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan Demak?
- A Hubungan atas dasar persahabatan
 - B Hubungan berlaku atas dasar sama taraf

- C Hubungan disebabkan perkahwinan pemerintah
- D Hubungan atas dasar kepentingan bersama dalam perdagangan dan penyebaran Islam

17. Sultan Mansur Shah berutus surat dengan kerajaan Ryukyu.

Apakah kandungan utama surat yang dikirimnya?

- A Keselamatan negara
- B Tingkah laku pedagangnya
- C Pengiktirafan dan perlindungan
- D Hubungan perdagangan yang baik

18. Melaka turut menjalankan hubungan diplomatik dengan Siam atas dasar diplomatik dan perdagangan.

Siapakah utusan yang dihantar ke Siam?

- A Tun Telanai
- B Menteri Mahmud
- C Laksamana Zheng He
- D Temenggung Rahman

19. Pelbagai strategi digunakan oleh Kesultanan Melayu Melaka dalam menghadapi serangan Portugis.

Antara berikut yang manakah strategi yang digunakan?

- I Menggunakan kereta kebal yang dibuat sendiri
- II Tembakan daripada pelbagai arah
- III Tembakan meriam yang bertalu-talu dari pantai
- IV Menggunakan lancaran dan perahu berapi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20. Apakah iktibar yang boleh kita peroleh daripada perjuangan Sultan Mahmud Shah dalam mendapatkan semula Melaka?

- A Amanah
- B Kerjasama
- C Perpaduan
- D Keberanian